

## Abstrak

Kajian jenis eksperimen ini bertujuan untuk menilai keberkesanannya kursus LKM 400 (Bahasa Malaysia IV) terhadap mutu penulisan Karangan Jenis Perbincangan di kalangan pelajar Pusat Pengajian Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia, Kampus Cawangan Perak dari segi isi, organisasi, bahasa dan juga secara keseluruhan.

Seramai 80 orang pelajar dari pelbagai Pusat Pengajian Kejuruteraan telah dipilih sebagai sampel. 80 orang sampel kajian ini telah dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu Kumpulan Pelajar Melayu (KPM) dan Kumpulan Pelajar Bukan Melayu (KPBM) iaitu 40 orang bagi setiap kumpulan. Sebelum pengajaran dijalankan, kesemua sampel kajian telah diberikan praujian untuk menilai tahap kebolehan mereka menghasilkan Karangan Jenis Perbincangan. Kemudian selama 12 minggu, para pelajar ini telah didedahkan dengan kursus LKM 400 (Bahasa Malaysia IV) yang isi kandungan kursus ini merangkumi rumus-rumus tatabahasa, jenis-jenis karangan dan kaedah penulisan yang berkesan. Setelah itu, satu pascaujian diberikan untuk menilai tahap kebolehan pelajar selepas pengajaran dijalankan.

Analisis data dijalankan dengan menggunakan ujian t. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan ( $p < 0.05$ ) dari segi isi, organisasi, bahasa dan keseluruhan penulisan Karangan Jenis Perbincangan bagi kedua-dua kumpulan (KPM dan KPBM).

Sebagai kesimpulannya, kursus LKM 400 (Bahasa Malaysia IV) yang diajarkan kepada pelajar Pusat Pengajian Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia nampaknya berkesan bagi meningkatkan mutu penulisan Karangan Jenis Perbincangan.

## **Abstract**

### **The Effectiveness of the LKM 400 (Bahasa Malaysia IV) Course Towards the Quality of Argumentative Essays Written By Students in the Engineering Faculty in**

**Universiti Sains Malaysia**

The purpose of this experimental study is to gauge the effectiveness of the LKM 400 course (Bahasa Malaysia IV) in raising the standard of writing Argumentative Composition among the students of the Faculty of Engineering in Universiti Sains Malaysia, Perak Branch Campus on the aspects of content, organization, language and writing in general.

Eighty students were chosen for sample from the various Faculty of Engineering. The samples were divided into two groups which consist of Malay Students Group (KPM) and Non-Malay Students Group (KPBM) with each having forty students. The students were given a pre-test to gauge their standard of writing Argumentative Composition. After that, the students were taught the LKM 400 Course (Bahasa Malaysia IV) and the content of the course covers the learning of grammatical rules, types of composition and the effective writing methodology. Then, the students are given a post-test to gauge their standard of writing Argumentative Composition after taking the course.

The analysis of data was carried out using the t-test. The result of the study shows that there were significant differences ( $p < 0.05$ ) on the aspects of content, organisation, language and writing in general for both groups (KPM) and (KPBM) in their writing of Argumentative Composition.

**As for the conclusion, the LKM 400 (Bahasa Malaysia IV) which is taught to the students of the Faculty of Engineering in Universiti Sains Malaysia is effective in raising the standard of writing Argumentative Composition.**